

LELAKI tidak ketinggalan membuat persembahan.

# KASAR

# TAPI BERISI

Genre pengkarya alternatif masih sopan dalam meluahkan emosi, idea atau pandangan



MAISARAH bersama lukisannya.



HASIL karya menarik minat golongan muda.



KELAB

Oleh NURUL HUSNA MAHMUD  
nurul\_husna@hmetro.com.my

**M**emecah 'taboo' masyarakat dengan persembahan puisi bahasa Inggeris bertajuk 'Period' yang berkisar wanita menahan kesakitan senggugut, Anis Khalid jelas membuktikan dia bukan sekadar berkarya kosong, malah menarik perhatian hadirin dalam Program Hello Poetry/Pasar Mbak di Rumah Titi Kuala Lumpur dengan aliran sastera baru.

Bebas serta lantang, penuntut jurusan Sains Pengkhususan Perniagaan Tani Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang ini tekad meneruskan persembahan meskipun menyedari penggunaan perkataan dalam karyanya kedengaran kasar. Namun dia yang mesra dengan gelaran Anis berkata, itulah ciri-ciri 'spoken word' atau puisi moden.

Tambah gadis ma-

nis ini, sesuai dengan program itu yang dianjurkan sempena merayakan Hari Wanita seluruh dunia, dia ingin menyampaikan mesej penting menggambarkan kesakitan dialami wanita setanding dengan peranan lelaki yang bertanggungjawab menggalas dosa isteri dan anak perempuannya.

Selitan mesej berunsurkan agama adalah maksud sebenar ingin disampaikan Anis menerusi persembahannya dalam program anjuran Senorita Zine dengan kerjasma Frinjan, iaitu kolektif longgar dalam penulisan bebas.

Katanya, menerusi karnival berkenaan, dia antara komuniti bebas seni sastera berpeluang menyatakan pendapat. Meskipun mempunyai suntikan 'Barat,' kaedah itu masih sihat dalam meluahkan emosi, idea mahupun pandangan.

"Biarpun kedengaran beberapa butir perkataan kasar dalam karya saya, ia tidak memberi gambaran puisi kontemporari yang berbeza dengan genre klasik ini kotor atau negatif.

ANTARA penjual barangan turut memeriahkan karnival.



Sebenarnya ia perkataan telus atau bermaksud langsung yang menjadi ciri atau penguat komponen sastera ini.

“Sepanjang membuat persembahan mahupun menyaksikan ‘spoken word’, tidak pernah persembahan genre ini diiringi melodi untuk menyuntik ‘mood’, tetapi dasarnya kekuatan ditonjolkan lebih kepada penggunaan perkataan serta tona suara disifatkan ekspresi kepada emosi.

“Bagi masyarakat atau pendengar tempatan yang asing dengan pengkarya alternatif, mereka akan fikir kami seakan-akan terlalu lantang.

“Berbeza buat pendengar yang meminati puisi moden dari kalangan warga asing seperti Australia, British atau Amerika, ia biasa dan sememangnya harus disampaikan sedemikian,” katanya.

Dalam program itu, Anis mendapati pendengar boleh menerima persembahannya dan mesej disampaikan jelas untuk dihadap minda sebahagian besarnya golongan muda.

“Meskipun menggemari elemen puisi ini, tidak semestinya saya mengabaikan puisi asli. Berbanding puisi Melayu, saya lebih terpengaruh dengan penulisan puisi klasik yang penuh dengan metafora serta bunga bahasa.

“Meskipun meminati puisi klasik yang rapat dengan aliran sastera teras, saya tidak bermasalah untuk beralih kepada karya bebas kerana kedua-duanya menyeimbangkan saya dalam garapan penghasilan karya lebih kemas,” katanya.

Rakannya, Maisarah Fadzil berkata, pembabitan dalam pengkaryaan penulisan bebas sering menimbulkan kontroversi apabila ada kalangan pengkarya arus perdana kurang menyenangi gerakan itu.

Menurut penuntut jurusan Pendidikan Bahasa Inggeris ini, mungkin spekulasi atau gaya penulisan bebas yang telus dan mempersembahkan idea mentah tanpa sebarang tapisan membuatkan penerimaannya ‘jengkel’ dalam kalangan pencinta bahasa.

“Sebenarnya selaku pengkarya indie, keaslian dan capaian kami terus kepada pendengar tanpa ada pihak menuras hasil penulisan.

“Kami bebas menyampaikan luahan dan bergantung kepada hala tuju topik yang ingin disentuh, termasuk isu ‘keras’ seperti fahaman politik, agama

dan budaya.

“Namun, inilah hasil paling jujur dan kami menjadikannya sebagai usul kepada perbincangan mahupun melatih fikiran lebih kritikal.

“Kami bukan berkarya kosong kerana ia lebih kepada inisiatif meneroka kebolehan mengekspresi dan mengolah kepada peminat karya ini,” katanya.

Dia yang turut memaparkan enam hasil lukisan warna air mengenai personaliti wanita dalam program itu berkata, penerimaan hasil pengkarya indie kini seperti viral.

“Meskipun komuniti kami kecil, peminatnya ramai. Tiada masalah baik di Kuala Lumpur atau pinggir bandar seperti Kota Tinggi Johor, karnival seperti ini yang mengumpulkan pengkarya bebas pasti mendapat sambutan,” katanya.

Wakil penganjur, Nuratiqah Jamaluddin, 24, berkata, dia yang mewakili kumpulan pengkarya bebas wanita merasakan karnival itu berjaya mengumpulkan pengkarya serta peminat genre itu untuk bertukar-tukar pandangan.

“Karnival ini diadakan tepat sempena meraikan Hari Wanita dan kami dari Senorita Zine adalah kumpulan pengkarya bebas yang berusaha memperkenalkan genre ini dan memberi gambaran sebenar mengenai gaya penulisan kami.

“Kami juga ingin memberi landasan kepada pengkarya baru untuk terus melonjak dalam bidang penulisan. Melihat mereka berkembang secara tidak langsung membuatkan genre sastera ini dihargai,” katanya.

Wakil Frinjan selaku penaja lokasi, Farhan Azhar berkata, pihaknya tidak melihat keuntungannya sebagai motif utama karnival terbabit, tetapi dia dan rakannya yang memperkenalkannya sebagai kolektif longgar menganggapnya satu sokongan kepada bidang penulisan berkenaan.

“Komuniti ini kecil tapi peminatnya tegar. Ia bukan industri besar dan kebanyakan penulis mahupun pengkarya aliran bebas bergerak sendiri mahupun dalam kumpulan kecil.

“Jadi kami saling menyokong antara satu sama lain dalam memperkembangkan elemen penulisan ini. Saya sendiri bukan pengkarya tapi lebih kepada pendengar mahupun peminat aliran penulisan bebas ini,” katanya.

## Profil



**NAMA:** Anis Khalid (Anis K)  
**UMUR:** 22 tahun  
**ASAL:** Kuala Lumpur  
**PERANAN:** Penyampai puisi

## Profil



**NAMA:** Maisarah Fadzil  
**UMUR:** 21 tahun  
**ASAL:** Kota Tinggi, Johor  
**PERANAN:** Artis lukisan air dan penyampai puisi

## Profil



**NAMA:** Nuratiqah Jamaluddin  
**UMUR:** 24 tahun  
**ASAL:** Kuala Lumpur  
**PERANAN:** Penganjur (Senorita Zine)



PERSEMBAHAN duet antara pengkarya bebas.

LAMAN Rumah Titi dipenuhi gerai pengkarya menjual hasil dan peniaga muda.



GERAI rasmi Senorita.



MEDEKLAMASI puisi bebas.